



**KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI,  
ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM**  
MINISTRY OF ENERGY, SCIENCE, TECHNOLOGY, ENVIRONMENT & CLIMATE CHANGE



# PROSEDUR TETAP OPERASI

MELAKSANAKAN PROGRAM MENCEGAH  
KEBAKARAN TANAH GAMBUT UNTUK  
MENGATASI JEREBU DI MALAYSIA



# **PROSEDUR TETAP OPERASI**

**MELAKSANAKAN PROGRAM  
MENCEGAH KEBAKARAN  
TANAH GAMBUT UNTUK  
MENGATASI JEREBU**

**EDISI KEEMPAT 2019**

Disediakan oleh Jabatan Alam Sekitar.

Hak cipta © 2019 Jabatan Alam Sekitar. Hak cipta terpelihara.

Alamat: Aras 1-4, Podium 2 & 3, Wisma Sumber Asli, No. 25, Persiaran Perdana, Presint 462574 Putrajaya, MALAYSIA

Laman Web: [www.doe.gov.my](http://www.doe.gov.my)

Penerbitan ini perlu dirujuk sebagai: Jabatan Alam Sekitar, 2019. Prosedur Tetap Operasi Melaksanakan Program Mencegah Kebakaran Tanah Gambut Untuk Mengatasi Jerebu.

Penghasilan semula bahan dan penyebaran maklumat daripada penerbitan ini untuk tujuan pendidikan dan penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari pemegang hak cipta dengan syarat sumber diakui sepenuhnya. Permohonan kebenaran, dengan menyatakan tujuan dan tahap penghasilan semula, perlu dirujuk kepada penerbit.

Edisi Pertama 2010.

Edisi Kedua 2012.

Edisi Ketiga 2015.

Edisi Keempat 2019.

Dicetak dan direka bentuk oleh Global Environment Centre.

Gambar muka hadapan oleh Global Environment Centre.



## PRAKATA



Kejadian kebakaran tanah gambut dalam negara didapati sering berlaku setiap tahun khususnya pada musim panas dan kering. Kebakaran ini mencetuskan masalah jerebu serius sehingga membahayakan kesihatan rakyat dan mampu menjejaskan ekonomi negara secara keseluruhan. Fenomena jerebu yang telah melanda di Malaysia pada tahun 1997, 2015 dan terkini 2019 adalah antara kejadian jerebu yang memberi kesan ketara kepada kualiti udara dan kesihatan awam. Ia turut menyebabkan aktiviti harian orang ramai terjejas, sekolah-sekolah terpaksa ditutup dan pengangkutan udara ditunda.

Bagi menangani kebakaran tanah gambut tempatan, Jabatan Alam Sekitar Malaysia telah mengambil tindakan proaktif dengan menyediakan Prosedur Tetap Operasi (PTO) melalui Jawatankuasa Penyelarasan Program Pengurusan Tanah Gambut bertujuan untuk

mewujudkan penyeragaman prosedur dalam melaksanakan Program Mencegah Kebakaran Tanah Gambut untuk Mengatasi Jerebu sejak tahun 2009. Selain itu, PTO ini juga menggariskan tindakan pencegahan dan pemantauan tanah gambut supaya kelestariannya dapat dikekalkan. PTO ini telah dikemaskini pada tahun 2010 dan penambahbaikan pada tahun 2012, 2015, dan terkini tahun 2019 mengikut kesesuaian semasa.

Adalah diharapkan dengan adanya PTO ini, ianya dapat menjadi panduan dan rujukan yang jelas kepada agensi pelaksana dan pihak berkepentingan yang berkaitan. Di samping itu, adalah menjadi tanggungjawab kita semua, bukan sahaja agensi pelaksana yang terlibat secara langsung tetapi penglibatan sektor swasta, badan-badan bukan kerajaan dan komuniti setempat dalam mencegah dan menangani masalah kebakaran tanah gambut dan jerebu yang boleh menjejaskan kualiti udara, kesihatan awam, aktiviti harian dan persekitaran secara lebih efektif dan produktif demi kebaikan rakyat Malaysia.

Sehubungan itu, PTO ini juga boleh diterapkan dalam penyediaan polisi yang berkaitan ke arah pengurusan tanah gambut yang lestari untuk keseimbangan ekosistem dan juga pemangkin transformasi dalam aktiviti pertanian dan perladangan di kawasan tanah gambut.

**NORLIN BINTI JAAFAR**  
Ketua Pengarah Alam Sekitar

# PENGHARGAAN

Alhamdulillah dengan kerjasama semua pihak maka Prosedur Tetap Operasi ini dapat dikemaskini bagi kali ke-4 pada tahun 2019.

Setinggi penghargaan kepada kepada Ahli Jawatankuasa Pemandu Pelaksanaan Program Tanah Gambut Yang Sering Terbakar; peserta-peserta Bengkel Kajian Tanah Gambut yang telah dijalankan pada 7 dan 8 September 2019 di Shah Alam, Selangor; badan-badan dan agensi-agensi yang terlibat di peringkat Negeri dan Kebangsaan; serta perunding Global Environment Centre (GEC) dalam menjayakan proses mengemaskini penulisan dan menghasilkan PTO edisi tahun 2019 ini.

## ***Pemuliharaan Alam Sekitar, Tanggungjawab Bersama***

**IBU PEJABAT**

Jabatan Alam Sekitar

# KANDUNGAN

PRAKATA	I
PENGHARGAAN	II
KANDUNGAN	III
SENARAI LAMPIRAN	IV
SENARAI JADUAL	IV
SENARAI RAJAH	V
SENARAI AKRONIM	VI
SENARAI SIMBOL	VII
<b>1.0</b> LATAR BELAKANG	1
<b>2.0</b> OBJEKTIF	2
<b>3.0</b> PEMAKAIAN PROSEDUR TETAP OPERASI (PTO)	2
<b>4.0</b> DASAR DAN PERUNDANGAN	2
<b>5.0</b> BIOFIZIKAL TANAH GAMBUT DI MALAYSIA	3
<b>6.0</b> PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB AGENSI PELAKSANA	6
<b>6.1</b> SENARAI AGENSI PELAKSANA	6
<b>6.2</b> TINDAKAN AGENSI-AGENSI SECARA BERTERUSAN ( <i>ROUTINE</i> ) DALAM KEADAAN CUACA BIASA	11
<b>6.3</b> TINDAKAN AGENSI SEMASA CUACA PANAS DAN KERING	14
<b>6.4</b> TINDAKAN AGENSI SEMASA BERLAKU KEBAKARAN	15
<b>7.0</b> MAKLUMAT RAMALAN CUACA RISIKO KEBAKARAN	17
<b>8.0</b> PEMBANGUNAN DAN PEMBINAAN INFRASTRUKTUR PENCEGAHAN KEBAKARAN TANAH GAMBUT	20
<b>8.1</b> JENIS DAN FUNGSI INFRASTRUKTUR	20
<b>9.0</b> KERJASAMA PINTAR DI ANTARA PIHAK BERKEPENTINGAN DAN PENGLIBATAN KOMUNITI SERTA SEKTOR SWASTA	25
<b>10.0</b> PELAN STRATEGIK PENGURUSAN KEBAKARAN TANAH GAMBUT	26
<b>11.0</b> PEMANTAUAN, PENILAIAN DAN PENYELENGGARAAN INFRASTRUKTUR	27
<b>12.0</b> PEMILIKAN, INVENTORI INFRASTRUKTUR DAN KAWALAN PERALATAN	28

# SENARAI LAMPIRAN

<b>LAMPIRAN A:</b> RUJUKAN DASAR DAN PERUNDANGAN	29
<b>LAMPIRAN B:</b> SENARAI AGENSI DAN PIHAK BERKEPENTINGAN	31
<b>LAMPIRAN C:</b> CONTOH SURAT PENGAKTIFAN OPERASI MENCEGAH PEMBAKARAN TERBUKA (OMPT) DAN PROGRAM MENCEGAH KEBAKARAN TANAH GAMBUT UNTUK MENGATASI JEREBU	34
<b>LAMPIRAN D:</b> PEMANTAUAN PARAS AIR	36
<b>LAMPIRAN E:</b> CONTOH SURAT PENGAKTIFAN OPERASI PENGEPAAMAN	37
<b>LAMPIRAN F:</b> RANGKAIAN KOMUNIKASI PEMANTAUAN DI MENARA TINJAU	38
<b>LAMPIRAN G:</b> CONTOH LAPORAN (G1, G2 DAN G3)	39
<b>LAMPIRAN H:</b> PERANCANGAN DAN SISTEM PENGURUSAN KEBAKARAN TANAH GAMBUT BERSEPADU	42
<b>LAMPIRAN I:</b> SKIM AMALAN PERTANIAN BAIK MALAYSIA (myGAP)	44
<b>LAMPIRAN J:</b> SENARAI INFRASTRUKTUR	45
<b>LAMPIRAN K:</b> GAMBAR JENIS INFRASTRUKTUR	56
<b>LAMPIRAN L:</b> PETA TABURAN TANAH GAMBUT DI MALAYSIA DAN KEDUDUKAN INFRASTRUKTUR SERTA KAWASAN RISIKO KEBAKARAN MENGIKUT NEGERI	61
<b>LAMPIRAN M:</b> SENARAI PERHUBUNGAN AGENSI 2019	69

# SENARAI JADUAL

<b>JADUAL 1:</b> KLASIFIKASI DAN PENCIRIAN TANAH GAMBUT	4
<b>JADUAL 2:</b> SENARAI AGENSI PELAKSANA BERSERTA PERANAN UTAMA	6
<b>JADUAL 3:</b> AMALAN KESIAPSIAGAAN AGENSI DALAM KEADAAN CUACA BIASA	13
<b>JADUAL 4:</b> TINDAKAN DAN TEMPOH TINDAK BALAS AGENSI TERLIBAT APABILA BERLAKU KEBAKARAN TANAH GAMBUT	16
<b>JADUAL 5:</b> MAKLUMAT RAMALAN CUACA DAN KEBAKARAN	17
<b>JADUAL 6:</b> JENIS INFRASTRUKTUR DALAM PROGRAM MENCEGAH KEBAKARAN TANAH GAMBUT BERSERTA HURAIAN	20

# SENARAI RAJAH

<b>RAJAH 1:</b>	PEMBENTUKAN SESEBUAH KAWASAN GAMBUT	3
<b>RAJAH 2:</b>	CARTA ALIR PELAKSANAAN TINDAKAN AGENSI SEMASA CUACA PANAS DAN KERING DI PERINGKAT KEBANGSAAN DAN NEGERI	14
<b>RAJAH 3:</b>	CARTA ALIR PELAKSANAAN TINDAKAN AGENSI SEMASA BERLAKU KEBAKARAN	15
<b>RAJAH 4:</b>	KITARAN PENGURUSAN KEBAKARAN TANAH GAMBUT	26
<b>RAJAH 5:</b>	PROSES <i>PLAN-DO-CHECK-ACT</i> (PDCA)	27

# SENARAI AKRONIM

<b>ASMC</b>	<i>ASEAN Specialised Meteorological Centre</i>
<b>APCC</b>	<i>APEC Climate Centre</i>
<b>APM</b>	Angkatan Pertahanan Awam Malaysia
<b>APMM</b>	Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia
<b>BPEN</b>	Bahagian Perancang Ekonomi Negeri
<b>BUI</b>	<i>Built-Up Index</i>
<b>BMP</b>	Amalan Pengurusan Terbaik
<b>DEIA / EIA</b>	<i>Detailed Environmental Impact Assesment / Environmental Impact Assessment)</i>
<b>JAS / DOE</b>	Jabatan Alam Sekitar
<b>DOA</b>	Jabatan Pertanian
<b>DPN</b>	Dasar Perbandaran Negara
<b>DPF Desa Negara</b>	Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara
<b>EMP</b>	<i>Environmental Management Plan</i>
<b>FDRS</b>	Sistem Risiko Bahaya Kebakaran/ <i>Fire Danger Rating System</i>
<b>ForFIS</b>	<i>Forest Fire Information System</i>
<b>FWI</b>	<i>Fire Weather Index</i>
<b>G to G</b>	<i>Government to Government</i>
<b>GEC</b>	Global Environment Centre
<b>GIS</b>	Sistem Maklumat Geografi
<b>GPS</b>	<i>Global Positioning System</i>
<b>HDPE</b>	<i>High Density Polyethylene</i>
<b>HSK</b>	Hutan Simpanan Kekal
<b>IAC-SFD</b>	<i>Initial Attack Crew – Sabah Forestry Department</i>
<b>ICT</b>	<i>Information and Communications Technology</i>
<b>IPU</b>	Indeks Pencemaran Udara
<b>JMG</b>	Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia
<b>JBPM</b>	Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
<b>JPB</b>	Jawatankuasa Pengurusan Bencana
<b>JPNJ</b>	Jabatan Perhutanan Negeri Johor
<b>JPNS</b>	Jabatan Perhutanan Negeri Selangor
<b>JPNT</b>	Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu
<b>JPSM</b>	Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia
<b>KATS</b>	Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli
<b>KSAS</b>	Kawasan Sensitif Alam Sekitar
<b>LAPAN</b>	<i>Indonesian National Institute of Aeronautics and Space</i>
<b>MoU</b>	Memorandum Persefahaman
<b>MPOB</b>	Lembaga Minyak Sawit Malaysia
<b>MESTECC</b>	Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim

<b>METMalaysia</b>	Jabatan Meteorologi Malaysia
<b>MKN</b>	Majlis Keselamatan Negara
<b>MODIS</b>	<i>The Moderate Resolution Imaging Spectroradiometer</i>
<b>myGAP</b>	Skim Amalan Pertanian Baik Malaysia
<b>MSPO</b>	<i>Malaysian Sustainable Palm Oil</i>
<b>MME</b>	<i>Multi-model ensemble</i>
<b>MYSA</b>	Agensi Angkasa Malaysia
<b>NBOS</b>	<i>National Blue Ocean Strategy</i>
<b>NGO</b>	Badan Bukan Kerajaan
<b>NOAA</b>	<i>National Oceanic and Atmospheric Administration</i>
<b>OMPT</b>	Operasi Mencegah Pembakaran Terbuka
<b>PBT</b>	Pihak Berkuasa Tempatan
<b>PDCA</b>	Proses <i>Plan-Do-Check-Act</i>
<b>PLANMalaysia</b>	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia
<b>PTG</b>	Pejabat Tanah dan Galian
<b>PTO</b>	Prosedur Tetap Operasi
<b>R&amp;D</b>	<i>Research and development</i>
<b>RFN</b>	Rancangan Fizikal Negara
<b>RKK</b>	Rancangan Kawasan Khas
<b>RSN</b>	Rancangan Struktur Negeri
<b>RTD / RT</b>	Rancangan Tempatan Daerah
<b>SMS</b>	Khidmat Pesanan Ringkas / <i>Short Message Service</i>
<b>SNPP</b>	<i>Suomi National Polar-orbiting Partnership</i>
<b>SPU</b>	Unit Perancang Negeri Sarawak / <i>Economic Planning Unit Sarawak</i>
<b>TFFMP</b>	<i>Total Forest Fire Management Plan</i>
<b>UPEN</b>	Unit Perancangan Ekonomi Negeri

## SENARAI SIMBOL

<b>%</b>	Peratus
<b>CO<sub>2</sub></b>	Karbon Dioksida
<b>g/cc</b>	Gram/Sentimeter Padu
<b>ha</b>	Hektar
<b>km</b>	Kilometer
<b>pH</b>	Skala keasidan dan kealkalian (piawaian antarabangsa)
<b>sm</b>	Sentimeter



# 1.0 LATAR BELAKANG

Di Malaysia, terdapat sekitar 2,560,341 hektar tanah gambut di mana keluasan terbesar di Sarawak dengan keluasan 1,645,585 hektar diikuti Semenanjung Malaysia 714,156 hektar dan Negeri Sabah 200,600 hektar. Tanah gambut secara semula jadinya mempunyai kandungan kelembapan yang tinggi. Tanah gambut merupakan sebuah ekosistem yang penting di Malaysia dari segi pengawalaturan iklim, penyimpanan stok karbon, tebatan banjir, pemuliharaan kepelbagaian biologi serta berperanan sebagai span yang menyerap air semasa musim hujan dan melepaskannya secara beransur-ansur semasa musim kering. Hutan paya gambut menyediakan pelbagai hasil hutan dan perkhidmatan, sama ada secara langsung dan tidak langsung, dalam bentuk produk perhutanan dan perikanan serta sumber bekalan air kepada kawasan pertanian sekitar dan penggunaan domestik.

Pembukaan tanah gambut bagi tujuan pembangunan guna tanah secara tidak terkawal telah menyebabkan kehilangan kandungan air dari kawasan gambut. Pada musim panas dan kering serta dengan sifat tanah gambut yang mempunyai bahan organik yang tinggi, menjadikan kawasan ini kering, mudah terbakar dan sukar dipadamkan. Kebakaran tanah gambut yang berlanjutan akan menyebabkan berlakunya jerebu setempat dan boleh menjejaskan ekonomi serta memudaratkan kesihatan orang ramai.

Tindakan pencegahan bagi mengawal kebakaran di kawasan tanah gambut adalah lebih praktikal dibandingkan dengan kerja-kerja pemadaman kebakaran di kawasan tersebut. Ini adalah kerana apabila kebakaran berlaku di kawasan tanah gambut yang kering, api tersebut akan memasuki ke dalam tanah gambut dan ianya amat sukar untuk dipadamkan serta mengambil masa yang lama.

Justeru itu, Program Mencegah Kebakaran Tanah Gambut untuk Mengatasi Jerebu telah dilaksanakan dari tahun 2009 hingga Mei 2018 oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE). Kini, program ini diteruskan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) di bawah Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC). Pelaksanaan program ini diperkenalkan sebagai langkah proaktif kerajaan sejak Rancangan Malaysia Ke-9, Ke-10 dan Ke-11 melalui inisiatif Strategi Lautan Biru Kebangsaan (*National Blue Ocean Strategy – NBOS*) dengan penglibatan pelbagai agensi pelaksana dari peringkat kebangsaan dan tujuh (7) buah Negeri di seluruh Malaysia (iaitu Johor, Kelantan, Pahang, Sabah, Sarawak, Selangor dan Terengganu).

Faktor utama kejadian kebakaran di kawasan gambut adalah disebabkan kekeringan air di dalam tanah gambut tersebut. Melalui program ini, lima jenis infrastruktur telah dibangunkan iaitu sekatan saluran, telaga tiub, menara tinjau, kolam takungan dan saluran paip air bagi mencegah dan mengawal risiko kebakaran di kawasan tanah gambut sering terbakar di tujuh buah negeri. Keutamaan program ini adalah untuk meningkatkan kelembapan kawasan tanah gambut agar ianya tidak mudah kering dan terbakar pada musim kemarau atau panas, dan juga membekalkan sumber air bagi kerja-kerja pemadaman jika kejadian kebakaran berlaku di kawasan berhampiran. Sebahagian daripada itu, tindakan pemantauan kawasan juga dijalankan dengan menggabungkan pemantauan menggunakan menara tinjau dan pemantauan di lapangan sebagai langkah pencegahan awal.

PTO yang dihasilkan ini adalah untuk memantapkan penyelarasan tindakan pencegahan kebakaran tanah gambut secara sistematik dan perlu dilaksanakan dalam kawasan tanah gambut yang sering terbakar bagi mengatasi jerebu di Malaysia dan rentas sempadan.

## 2.0 OBJEKTIF

Prosedur Tetap Operasi (PTO) ini adalah bertujuan:

- a) Mengelakkan kejadian jerebu disebabkan oleh kebakaran yang berpanjangan di tanah gambut.
- b) Sebagai garis panduan kepada agensi-agensi pelaksana dan pihak berkepentingan yang berkaitan dengan pelaksanaan program mencegah kebakaran tanah gambut untuk mengatasi jerebu
- c) Menyelaraskan peranan dan tanggungjawab agensi pelaksana dan pihak berkepentingan yang berkaitan serta mempertingkatkan rangkaian komunikasi dalam pengurusan tanah gambut secara bersepadu
- d) Mengintegrasikan tindakan dan strategi yang perlu diambil dalam pelaksanaan aktiviti pencegahan kebakaran tanah gambut merangkumi panduan/saluran aduan, operasi pemadaman, penilaian selepas dan siasatan berserta laporan yang perlu didokumentasikan di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan

## 3.0 PEMAKAIAN PROSEDUR TETAP OPERASI (PTO)

PTO ini telah dihasilkan dengan mengambil kira pandangan menyeluruh semua agensi pelaksana dan pihak berkepentingan untuk penstrukturan semula demi mencapai kata sepakat dalam kelangsungan program ini secara lebih berkesan.


Selaras dengan objektif yang jelas, adalah menjadi saranan kepada semua agensi kerajaan, mahupun agensi swasta, organisasi yang terlibat secara langsung dan komuniti setempat untuk menggunakan PTO ini dengan sebaik mungkin dalam penyelarasan dan pelaksanaan di peringkat kebangsaan, negeri mahupun daerah serta tempatan.

## 4.0 DASAR DAN PERUNDANGAN

Malaysia kini tidak hanya terbelenggu oleh pencemaran udara yang berpunca daripada pembakaran terbuka, kenderaan bermotor dan kawasan perindustrian, tetapi juga melibatkan jerebu yang selalunya terjadi akibat kebakaran tanah gambut. Oleh yang demikian, pelbagai usaha telah diambil oleh Kerajaan Malaysia bagi mengatasi dan mengurangkan pencemaran udara ke tahap yang minimum.


Sehubungan itu, terdapat dasar-dasar dan undang-undang sedia ada yang perlu dijadikan panduan dan hala tuju kepada agensi pelaksana dan pihak berkepentingan dalam melaksanakan strategi, pelan tindakan serta rancangan-rancangan berkaitan dengan pengurusan ekosistem dan pencegahan kebakaran tanah gambut di negara ini. PTO ini disediakan untuk mengintegrasikan dasar dan perundangan di peringkat kebangsaan, negeri mahupun daerah untuk melaksanakan Program Mencegah Kebakaran Tanah Gambut untuk Mengatasi Jerebu. Senarai dasar dan perundangan yang berkaitan dapat diselaraskan dengan sewajarnya untuk mencapai keberkesanan PTO seperti dinyatakan di dalam **LAMPIRAN A**.

# 5.0 BIOFIZIKAL TANAH GAMBUT DI MALAYSIA



Tanah gambut terhasil daripada bahan tumbuhan separuh reput terkumpul lebih kurang 4,000 hingga 10,000 tahun di Malaysia (proses pereputan sepenuhnya agak terhad kerana keadaan air yang berasid serta ketiadaan aktiviti mikroorganisma), ia boleh terkumpul sehingga kedalaman 20 meter sekiranya ekosistem ini tidak diganggu. Kandungan asas komposisi ekosistem gambut adalah 10% kandungan organik dan 90% adalah air. Air di paya gambut secara umumnya mengandungi bahan-bahan organik yang tinggi. Bahan organik separa reput ini menjadikan air paya gambut berwarna perang atau hitam dan sangat berasid (pH 3-5).

Rajah 1: Pembentukan sesebuah kawasan gambut



Definisi tanah gambut yang kini masih digunakan di Malaysia ialah jika ketebalan bahan organik yang melebihi 50sm di dalam 100sm profil tanah maka kawasan tersebut adalah tanah gambut, kandungan bahan organik dalam tanah gambut biasanya melebihi 65%. Kebanyakan tanah gambut terbahagi kepada tiga bahagian berdasarkan klasifikasi struktur dan tahap kematangan (kadar pereputan) jenis gambut iaitu fibrik, hemik dan saprik (**JADUAL 1**). Berdasarkan kedalamannya pula, tanah gambut terbahagi kepada empat bahagian; cetek (50sm - 100sm), sederhana (100sm - 200sm), dalam (200sm - 300sm) dan sangat dalam (lebih 300sm).

	<p><b>FIBRIK: &gt;66%</b></p> <p>Berwarna kecoklatan, sebahagian besar bahan organik belum mereput dan mudah dikenalpasti. Ketumpatan pukal tanah sangat rendah (&lt; 0.1 g/cc) dan keupayaan pegangan (<i>water holding capacity</i>) air tinggi</p>
	<p><b>HEMIK: 33-66%</b></p> <p>Sederhana sifatnya iaitu berada di antara sifat fibrik dan saprik.</p>
	<p><b>SAPRIK: &lt;33%</b></p> <p>Berwarna gelap, bahan organik telah mereput. Ketumpatan pukal tanah tinggi (&gt; 0.2 g/cc) dan keupayaan pegangan (<i>water holding capacity</i>) air rendah.</p>

Jadual 1: Klasifikasi dan pencirian tanah gambut (sumber: Paramanathan, 2000)

Cabaran dan ancaman di tanah gambut terjadi apabila ekosistem dan struktur tanah gambut itu terganggu pada awalnya disebabkan aktiviti pembukaan tanah untuk tujuan pembangunan dan aktiviti perindustrian yang mengakibatkan gangguan terhadap ekosistem kawasan gambut dan seterusnya menjadikan kawasan tersebut terdedah dan kering. Apabila mengalami kekeringan yang berpanjangan, CO<sub>2</sub> dibebaskan daripada proses pereputan bahan organik. Lapisan gambut akan hilang sekiranya tidak dijaga daripada aktiviti tebus guna tanah gambut tidak terancang dan juga ancaman kebakaran besar yang boleh menyebabkan kemudaratan dan menyumbang kepada ketidakstabilan ekosistem tanah gambut. Oleh yang demikian usaha pemuliharaan dan pengurusan tanah gambut secara lestari haruslah diteruskan dan diperhebatkan.

Kepentingan pemuliharaan ekosistem tanah gambut antaranya adalah:

- a) **Kepelbagaian Biologi:** Habitat di hutan paya gambut terdiri daripada flora dan fauna yang unik, dimana ia mempunyai populasi kepelbagaian biologi yang terancam dan jarang ditemui. Hutan paya gambut memberi sokongan terhadap kepelbagaian biologi dan menyediakan sumber makanan, air dan habitat kepada manusia, mamalia, dan hidupan air. Terdapat juga tumbuh-tumbuhan yang digunakan sebagai herba dalam perubatan tradisional oleh penduduk sekitar.
- b) **Penyimpanan Karbon dan Pengawalaturan Iklim:** Tanah gambut merupakan ekosistem yang penting untuk penyimpanan karbon yang berganda daripada tanah biasa dan pengawalaturan iklim. Hutan paya gambut yang sihat dapat mengumpul/menyimpan karbon secara aktif dan mengurangkan kesan pemanasan global.
- c) **Kawasan Tadahan Air:** Paya gambut mengandungi kira-kira 90% air di dalam tanah. Fungsi penyimpanan air (*reservoir*) membantu membekalkan air pada waktu yang diperlukan (waktu kemarau) dan berperanan sebagai kawalan dan tebatan banjir jika dipulihara dengan baik khasnya bagi pengurusan sumber air yang bersepadu untuk kemudahan komuniti dan ekosistem hiliran di sekitar.
- d) **Penyelidikan dan Pendidikan:** Ekosistem gambut yang semula jadi yang hanya terdapat di kawasan tertentu sahaja menjadikan kawasan tanah lembap seperti ini sangat terhad dan sememangnya wujud untuk menyediakan perkhidmatan ekologi unik kepada sesebuah kawasan yang masih banyak belum difahami dan diketahui. Ekosistem paya gambut sangat berpotensi untuk menjadi sebuah kawasan penyelidikan dalam bidang sains dan ekosistem gambut. Khasnya penyelidikan vegetasi / tumbuh-tumbuhan, ekologi dan geografi tanah gambut supaya dapat membantu dalam memahami perubahan rangkaian ekosistem gambut.

# 6.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB AGENSI PELAKSANA

Program Mencegah Kebakaran Tanah Gambut untuk Mengatasi Jerebu memerlukan penglibatan agensi-agensi pelaksana dan pihak berkepentingan yang berkaitan menjadi penggerak utama, menggalas tanggungjawab dalam melaksanakan usaha, program dan aktiviti melalui pendekatan kerjasama pintar dengan pelbagai pihak untuk membawa impak yang positif dalam pencegahan kebakaran tanah gambut dan meminimalkan impak masalah jerebu di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah. Selain daripada itu, lain-lain agensi dan pihak berkepentingan yang berkaitan memainkan peranan penting dan berkerjasama dalam pelaksanaan PTO adalah seperti pada **LAMPIRAN B**.

## 6.1 SENARAI AGENSI PELAKSANA

Agensi pelaksana yang disenaraikan dalam **JADUAL 2** adalah penggerak utama yang memainkan peranan dan tanggungjawab yang besar dalam kelangsungan program ini.

Jadual 2: Senarai agensi pelaksana berserta peranan utama



### **KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM (MESTECC) MELALUI BAHAGIAN KAWALAN PENCEMARAN (BKP)**

Mewujudkan rangka polisi holistik untuk memastikan persekitaran yang sihat, bersih, selamat dan produktif dalam mencapai pembangunan mampan serta memastikan kepentingan negara mengenai isu kebakaran dan masalah jerebu di peringkat global mahupun serantau dilindungi melalui sokongan Jabatan / Agensi di bawah MESTECC.



### **KEMENTERIAN AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI (KATS) MELALUI BAHAGIAN PENGURUSAN BIODIVERSITI DAN PERHUTANAN (BBP)**

Memulihara dan membangunkan kawasan hutan paya gambut seiring dengan prinsip pengurusan hutan secara lestari dan berfungsi dengan sokongan beberapa jabatan lain di bawah KATS. Penyelaras Pelan Tindakan Gambut Kebangsaan dan Polisi Kebangsaan Kepelbagaian Biologi 2016-2025 (terutamanya indikator 7.3 elemen tanah gambut).

### **JAWATANKUASA PENYELARASAN PROGRAM TANAH GAMBUT**

- Mengadakan mesyuarat empat kali setahun bersama semua pihak kepentingan yang terlibat dalam pelaksanaan Program Kebangsaan Pencegahan Kebakaran Hutan Gambut untuk Mengatasi Jerebu;
- Membincangkan isu-isu dan permasalahan semasa berkaitan dengan pengurusan dan pembinaan infrastruktur dan pencegahan mengenalpasti kawasan berisiko kebakaran tanah gambut;
- Mengendalikan dan menyelaraskan pengagihan peruntukan kepada agensi-agensi pelaksana dan negeri-negeri terlibat dalam pelaksanaan program ini; dan
- Menyelia projek pembinaan infrastruktur yang diluluskan di bawah agensi-agensi pelaksana dengan mengambil kira status berdasarkan penilaian, pemantauan dan menaiktaraf infrastruktur.



### **JABATAN ALAM SEKITAR (IBU PEJABAT JAS)**

- Mendapatkan peruntukan dan menyalurkan peruntukan tersebut kepada agensi pelaksana mengikut perancangan yang telah dipersetujui bersama;
- Bertindak sebagai penyelaras dan urusetia dalam melaksanakan program ini;
- Mendapatkan maklumat keadaan cuaca (sekali seminggu dalam keadaan cuaca biasa dan setiap hari semasa musim kering dan panas) dari Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia) seterusnya menyalurkannya kepada Pengarah JAS Negeri melalui e-mel/SMS/telefon; dan
- Mengeluarkan arahan pengaktifan PTO dan Operasi Mencegah Pembakaran Terbuka (OMPT) dan Program ini semasa musim panas dan kering (**LAMPIRAN C**).

---

### **JABATAN ALAM SEKITAR (NEGERI)**

- Mengemaskini Pelan Tindakan Mencegah Pembakaran Terbuka di peringkat negeri masing-masing. Pelan ini merangkumi perkara berikut:
  - Peta kawasan yang mudah terbakar (*fire prone areas*)
  - Program Penguatkuasaan dan pengawasan
  - Program pendidikan dan kesedaran
  - Rangkaian komunikasi untuk menyelaras dan menyiasat kes pembakaran terbuka dan
  - Tindakan pemantauan pemadaman kebakaran
- Mengeluarkan arahan pengaktifan PTO dan Operasi Mencegah Pembakaran Terbuka (OMPT) dan Program ini semasa musim panas dan kering di peringkat negeri dengan kerjasama Jawatankuasa Bencana Negeri (**LAMPIRAN C**);
- Memantau dan meneliti bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU), laporan METMalaysia, laporan pengawasan melalui udara (*air surveillance*), rondaan darat, laporan hotspot melalui imej statelit serta aduan yang diterima;
- Melaksanakan rondaan di kawasan tanah gambut setiap bulan/hari bersama JPS/JMG untuk memeriksa paras air saluran/telaga tiub pada kawasan yang berisiko tinggi (**LAMPIRAN D**);
- Sekiranya didapati saluran kering, JAS Negeri hendaklah mengeluarkan notis melalui e-mel / faks / SMS dan disusuli dengan surat rasmi (**LAMPIRAN E**) serta merta kepada:
  - a. JMG Negeri supaya mengaktifkan telaga tiub dan mengepam air ke saluran / kawasan gambut mengikut paras air dalam saluran
  - b. JPS Negeri untuk memantau paras air dalam saluran di kawasan gambut dan memeriksa keadaan fizikal sekatan saluran / kolam takungan dan mengepam air dari kolam takungan / sumber air ke dalam saluran / kawasan gambut

- c. Jabatan Perhutanan Negeri memantau paras air dalam saliran / kawasan gambut dan memeriksa keadaan fizikal sekatan saliran / kolam takungan / saluran paip air dan mengepam air dari kolam takungan / menyalurkan air ke dalam saliran / kawasan gambut / menjalankan tinjauan dari menara tinjau
- d. JPSM / Jabatan Perhutanan Negeri/ Majlis Bandaraya Miri / RELA agar menjalankan tinjauan dari menara tinjau (**LAMPIRAN F**)
  - Menjalankan pemantauan dari menara tinjau atau menggunakan dron dan
  - Mengemukakan pelaporan kepada ibu pejabat JPSM / JAS pada setiap bulan
- e. Mengeluarkan secara serentak surat-surat arahan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), pihak swasta dan penghulu yang bertanggungjawab ke atas pembakaran terbuka supaya mengambil langkah pencegahan serta sentiasa mengawal paras air dalam tanah gambut dan memastikan kawasan mereka tidak terbakar bagi mengelakkan jerebu, mempertingkatkan kempen-kempen kesedaran khususnya melalui radio tempatan bagi mengingatkan orang ramai untuk tidak melakukan pembakaran terbuka, penglibatan masyarakat setempat bagi membantu memantau kes-kes pembakaran terbuka dan memperkemaskan sistem dan saluran komunikasi penerimaan aduan pembakaran terbuka dari orang ramai
- Memantau secara berterusan sehingga paras air di saliran mencukupi dan memaklumkan JMG Negeri / JPS Negeri / Jabatan Perhutanan Negeri untuk menentukan keperluan mengepam air;
- Melaksanakan mesyuarat penyelarasan antara agensi peringkat negeri empat kali setahun;
- Mengemukakan pelaporan kepada Ibu Pejabat JAS setiap bulan **LAMPIRAN (G1, G2 DAN G3)**; dan
- Merangka program kesedaran kepada pihak berkepentingan agar mereka lebih peka tentang kepentingan menjaga kawasan tanah gambut.

#### **JABATAN PENGALIRAN DAN SALIRAN (JPS)**

- Melaksanakan pembinaan sekatan saliran dan kolam takungan di kawasan gambut yang berisiko kebakaran. Ini termasuk aspek perancangan, reka bentuk, pembinaan dan pengoperasian, pemantauan serta penyelenggaraan infrastruktur tersebut mengikut Garis Panduan untuk Reka Bentuk dan Pembinaan Sekatan Saliran bagi Pencegahan dan Pengawalan Kebakaran Tanah Gambut (*Guidelines for Design and Construction of Check Dams for Prevention and Control of Peatland Fire*);
- Memberi khidmat teknikal pengoperasian seperti pam air dan lain-lain yang berkaitan mengikut kepakaran dimiliki dalam mencegah dan mengawal kebakaran tanah gambut di peringkat negeri dan daerah (sekiranya melibatkan penggunaan pam tambahan atau pam mudah alih dari pihak JPS);



- Memantau secara berkala pada musim kering sehingga paras air di saluran mencukupi, menyediakan laporan pemantauan paras air, memaklumkan kepada JAS Negeri dan JPS Pusat ibu pejabat; dan
- Mengemukakan pelaporan kepada ibu pejabat JAS pada setiap bulan **LAMPIRAN (G1, G2 DAN G3)**.



JABATAN MINERAL & GEOSAINS MALAYSIA

#### **JABATAN MINERAL DAN GEOSAINS (JMG)**

- Memastikan telaga tiub dan peralatan sokongan disimpan di lokasi yang berdekatan, untuk kemudahan semasa operasi pencegahan dan pengawalan kebakaran tanah gambut di peringkat negeri dan daerah;
- Menyelenggara telaga tiub dan peralatan sokongan yang diperlukan dan lain-lain struktur yang berkaitan;
- Memantau dan menyediakan laporan pemantauan paras air tanah di telaga tiub, dan memaklumkan secara berkala terutamanya pada musim panas kering;
- Mengepam air dari telaga tiub ke dalam saluran apabila diperlukan; dan
- Mengemukakan pelaporan kepada ibu pejabat JAS pada setiap bulan **LAMPIRAN (G1, G2 DAN G3)**.



#### **JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA (JPSM) DAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI**

- Menyediakan dan melaksanakan pelan pengurusan kebakaran hutan paya gambut khas mengikut Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan PTO;
- Menyelenggara sekatan saluran, kolam takungan, menara tinjau dan saluran paip air termasuk kemudahan yang berkaitan seperti, jalan masuk, tebing saluran/kolam struktur dan lain-lain struktur di sekitar HSK, tanah kerajaan dan tanah bermilik yang berhampiran;
- Memantau paras air dalam saluran / kolam / kawasan hutan gambut / kawasan tanah gambut sekitar HSK, tanah kerajaan dan tanah bermilik yang berhampiran;
- Merangka pelan tindakan program pemulihan semula kawasan-kawasan hutan yang terosot di HSK.
- Membaik pulih dan menyelenggara jalan dengan baik bagi memudahkan proses pemadaman kebakaran dapat dilaksanakan dengan lebih cepat dan efektif; dan
- Mengemukakan pelaporan kepada ibu pejabat JPSM dan JAS pada setiap suku tahun dan mengikut keperluan. **LAMPIRAN (G1, G2 DAN G3)**.



#### **JABATAN PERHUTANAN SABAH (SFD)**

- Menguatkuasakan / menggunakan / melaksanakan PTO di Hutan Simpanan Kekal (HSK) di bawah kuasa Jabatan Perhutanan Negeri Sabah:
  - a) PTO langkah-langkah pencegahan kebakaran hutan (*SFD API 001*)
    - Menjalankan program kesedaran awam dan latihan asas memadam kebakaran hutan bagi semua pihak berkepentingan yang berdekatan dengan kawasan berisiko tinggi (ancaman kebakaran hutan) dan
    - Membina struktur lain yang perlu di dalam aktiviti pencegahan/ pengawalan api gambut seperti *pemisah api (firebreaker)*
  - b) PTO operasi mengawal dan memadam kebakaran hutan serta kawasan bersempadanan HSK yang boleh menyebabkan api merebak ke HSK (*SFD API 002*)
    - Melibatkan pasukan IAC-SFD (*Initial Attack Crew – Sabah Forestry Department*)



#### **JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)**

- Menerima aduan dan mengambil tindakan operasi pemadaman kebakaran hutan dan tanah gambut atau sebagai Komander Operasi;
- Membantu melaksanakan program kesedaran awam dan latihan bersama agensi kerajaan dan pihak berkepentingan yang berkaitan;
- Pemadaman kebakaran dilakukan dengan menggunakan helikopter (teknik *fire bucket*) bagi kawasan yang terlalu jauh dan tiada jalan darat (Semenanjung Malaysia);
- Membuat penilaian kawasan kebakaran di lapangan dan menjalankan siasatan punca kebakaran / membantu agensi penguatkuasa dalam melengkapkan siasatan; dan
- Mengemukakan pelaporan kejadian dan pemadaman kebakaran kepada agensi kerajaan mengikut kes-kes kebakaran di peringkat negeri dan pusat.



#### **JABATAN METEOROLOGI MALAYSIA (METMalaysia)**

- Mengeluarkan ramalan cuaca bermusim (termasuk ramalan bermusim, musim kering dan El Niño);
- Menyalurkan maklumat kepada agensi-agensi terlibat mengenai laporan tinjauan cuaca jangka masa panjang mengikut monsun bagi mengaktifkan pelaksanaan PTO di peringkat persekutuan dan negeri;
- Mengeluarkan laporan pergerakan asap jerebu;
- Menyalurkan maklumat bilangan titik panas dan kebakaran hutan
- Menyediakan dan memaklumkan ramalan cuaca risiko kebakaran melalui Sistem Risiko Bahaya Kebakaran (FDRS);

- Mengeluarkan produk-produk FDRS bagi membantu program pencegahan kebakaran tanah gambut yang sering terbakar. Khususnya kepada kawasan-kawasan yang berisiko; dan
- Mengadakan program kempen/ceramah kesedaran awam mengenai risiko cuaca ekstrem.



#### **ANGKATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA (APM)**

- Melakukan kerja bantuan bencana (termasuk operasi pemadaman kebakaran) atau memberi perlindungan bagi menjamin keselamatan nyawa, orang atau harta benda penduduk awam sekiranya berlaku atau akan berlaku bencana serta memudahkan pemulihan mangsa selepas bencana tersebut-Seksyen 8(1) Akta 221;
- Mengawal keselamatan dan membuat rondaan di setiap lokasi berhampiran kawasan kebakaran secara bersepadu;
- Menyediakan perkhidmatan ambulans dan memberikan rawatan kecemasan kepada mangsa (kakitangan) di tempat kejadian; dan
- Melatih seramai mungkin rakyat yang mempunyai pengetahuan dalam aspek keselamatan dan pertahanan awam – Seksyen 3(2)c Akta Pertahanan Awam 1951 (Akta 221).



#### **AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA (APMM)**

Penglibatan APMM dalam operasi pemadaman menggunakan pesawat jenis *bombardier* bagi kebakaran yang diklasifikasikan sebagai bencana oleh pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana (JPB) Negeri.



#### **LEMBAGA SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR (NREB), SARAWAK**

- Menentukan mod dan cara di mana eksploitasi dan penggunaan sumber alam di dalam negeri tidak akan merosakkan, mencemarkan atau menyebabkan kesan negatif terhadap alam sekitar;
- Mengawal pemusnahan terhadap alam sekitar melalui EIA;
- Bekerjasama dan menjadi perwakilan ke Majlis Alam Sekitar Kebangsaan atau Kementerian-kementerian yang relevan di peringkat persekutuan bagi menentukan standard kawalan alam sekitar dan penguatkuasaan peraturan yang relevan;

- Menyediakan peraturan, garis panduan dan halatuju bagi perlindungan dan memperbaiki kualiti alam sekitar yang berkaitan dengan penggunaan tanah, perlindungan sumber bekalan air, eksploitasi kehidupan akuatik & tumbuhan di sungai dan tepi pantai, dan hal-hal lain di bawah kuasa dan perundangan negeri;
- Memberi pendidikan dan maklumat kepada orang awam mengenai perlindungan dan memperbaiki kualiti alam sekitar; dan
- Memproses dan mengeluarkan Permit Pembakaran Terbuka Bersyarat mengikut FDRS.



#### **JABATAN PERLINDUNGAN ALAM SEKITAR SABAH (JPAS)**

- Melaksanakan Pelan Tindakan Mencegah Pembakaran Terbuka dan PTO di peringkat negeri Sabah, yang merangkumi perkara berikut:
  - Program penguatkuasaan dan pengawasan, dan
  - Program pendidikan dan kesedaran
- Melaksanakan rondaan di kawasan tanah gambut yang berkenaan.

#### **PEJABAT RESIDEN SARAWAK**

- Menubuhkan dan menyelaraskan tabung dana bagi tujuan melaksanakan pencegahan dan pemadaman kebakaran agar tindakan pantas dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan di peringkat bahagian;
- Menyelaraskan dan melaksanakan kerjasama pintar dengan syarikat perladangan; dan
- Menyelaraskan maklum balas daripada pihak JAS, PBT, JPS dan JMG berkaitan infrastruktur yang telah dibina untuk pencegahan kebakaran tanah gambut di peringkat bahagian.



#### **MAJLIS BANDARAYA MIRI**

- Mewujudkan satu kerangka polisi yang holistik berkaitan pencegahan kebakaran tanah gambut sering terbakar di Miri supaya dapat memastikan persekitaran yang sihat, bersih, selamat dan produktif ke arah mencapai pembangunan lestari bagi mendokong kepentingan negara mengenai isu kebakaran dan masalah jerebu di peringkat global mahupun serantau; dan
- Menentukan dan memperuntukkan pembiayaan negeri bagi program pencegahan kebakaran tanah gambut di peringkat tempatan.

## 6.2 TINDAKAN AGENSI-AGENSI SECARA BERTERUSAN (*ROUTINE*) DALAM KEADAAN CUACA BIASA

Amalan langkah pencegahan bagi semua agensi yang terlibat secara berterusan (*routine*) dalam keadaan cuaca biasa adalah seperti **JADUAL 3**.


*Jadual 3: Amalan kesiapsiagaan agensi dalam keadaan cuaca biasa*

AGENSI	TINDAKAN	KEKERAPAN
Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia)	Menyalurkan maklumat dan ramalan cuaca serta amaran awal seperti FDRS.	Mengikut keadaan cuaca
JAS Negeri / Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak (NREB) / Jabatan Perlindungan Alam Sekitar Sabah (JPAS)	Pengawasan melalui udara. Rondaan darat. Menerima dan maklum balas ke atas aduan pembakaran terbuka serta tindakan penguatkuasaan.	Mengikut jadual yang ditetapkan. Satu kali seminggu. Serta merta.
JPS Negeri	Pemantauan paras air di kawasan infrastruktur. Penyelenggaraan sekatan saliran dan kolam takungan dengan baik mengikut jadual yang disediakan. Mengemukakan pelaporan kepada ibu pejabat JAS dan JPS.	Satu kali sebulan. Dua kali setahun.
Jabatan Perhutanan Negeri	Pemantauan paras air di HSK. Penyelenggaraan sekatan saliran, kolam takungan dan saluran paip air dengan baik mengikut jadual yang disediakan. Mengemukakan pelaporan kepada ibu pejabat JAS dan JPSM.	Satu kali sebulan. Dua kali setahun.
JMG Negeri	Pemantauan paras air di telaga tiub. Penyelenggaraan telaga tiub berserta peralatan sokongan dan juga kawasan telaga tiub dengan baik mengikut jadual yang disediakan. Mengemukakan pelaporan kepada ibu pejabat JAS dan JPS.	Satu kali sebulan. Dua kali setahun.
JPSM / Majlis Bandaraya Miri	Pemeriksaan menara tinjau. Penyelenggaraan menara tinjau dengan baik mengikut jadual yang disediakan. Mengemukakan pelaporan kepada ibu pejabat JAS dan JAS negeri.	Dua kali seminggu. Mengikut keperluan.
JAS Negeri / Jabatan Perhutanan Sabah / RELA	Pemantauan untuk pengesanan awal kebakaran (jika ada) melalui menara tinjau dan mengemukakan pelaporan kepada ibu pejabat JPSM / JAS.	Satu kali seminggu.

## 6.3 TINDAKAN AGENSI SEMASA CUACA PANAS DAN KERING

Amalan langkah pencegahan bagi semua agensi dalam keadaan cuaca panas dan kering, khususnya di peringkat Negeri seperti dalam RAJAH 2.


Rajah 2: Carta alir pelaksanaan tindakan agensi semasa cuaca panas dan kering di peringkat kebangsaan dan negeri



## 6.4 TINDAKAN AGENSI SEMASA BERLAKU KEBAKARAN

Berikut adalah strategi dan tindakan agensi pelaksana apabila berlakunya kebakaran di kawasan tanah gambut seperti dalam **RAJAH 3** dan **JADUAL 4**.

Rajah 3: Carta alir pelaksanaan tindakan agensi semasa berlaku kebakaran



*Nota: Kebakaran tanah gambut perlu dipadam atau dikawal sepenuhnya pada peringkat skala kecil atau awal dengan menggunakan segala sumber yang berkaitan dengan kerjasama dari semua agensi yang berkenaan. Jika tidak, kebakaran tersebut akan merebak ke kawasan berhampiran dan menjadi luar kawalan. Kos pemadaman dan tempoh masa akan meningkat dan mengakibatkan kerugian besar kepada Kerajaan Negeri dan Persekutuan.*

Jadual 4: Tindakan dan tempoh tindak balas agensi terlibat apabila berlaku kebakaran tanah gambut




AGENSI	TINDAKAN	TEMPOH TINDAK BALAS
JAS NEGERI	Siasatan kebakaran. Carian hak milik tanah bagi tujuan perundangan. Nota makluman atau laporan kepada ibu pejabat JAS.	SERTA MERTA SERTA MERTA SERTA MERTA selepas siasatan di lapangan
PUSAT GERAKAN OPERASI(PGO) BOMBA	Menyalurkan maklumat kebakaran.	SERTA MERTA
JAWATANKUASA BENCANA NEGERI	Menyalurkan maklumat kebakaran. Pemberitahuan keperluan pengepaman. Laporan kepada Kerajaan Negeri dan Kementerian termasuk ibu pejabat JAS.	SERTA MERTA SERTA MERTA <30 minit
BOMBA	Menggerakkan jentera keluar balai. Melaporkan keperluan pengepaman.	1 minit SERTA MERTA
JMG/JPS/J. PERHUTANAN (NEGERI)	Mengaktifkan pasukan pengepaman ( <i>task force</i> ). Menghentikan operasi pengepaman.	<30 minit SERTA MERTA

# 7.0 MAKLUMAT RAMALAN CUACA RISIKO KEBAKARAN

Maklumat dan informasi harian berkenaan cuaca, iklim, imej satelit, ramalan El Niño dan juga amaran-amaran cuaca ekstrem mudah diakses daripada laman sesawang yang berasas dan berguna sebagai infomasi yang boleh diterjemah dalam pengurusan tanah gambut harian. Dalam hal ini maklumat seperti ini amat berguna dan harus dimanfaatkan sebaik mungkin untuk membantu pelaksanaan PTO membuat penilaian awal, pemantauan dan ramalan bagi tujuan program pencegahan kebakaran tanah gambut yang sering terbakar dan mengatasi jerebu di Malaysia.

Jadual 5: Maklumat ramalan cuaca dan kebakaran

BIL	PENANDA ARAS RAMALAN CUACA RISIKO KEBAKARAN	RUJUKAN / CATATAN
<p>I.</p>	<p><b>Sistem Risiko Bahaya Kebakaran (FDRS)</b></p> <p>Contoh: Jika masuk laman sesawang METMalaysia klik Iklim (pada kolum utama) dan klik “Sistem FDRS” kemudian pilih “Malaysia”.</p> <p><a href="http://www.met.gov.my/iklim/fdrs/mfdrs">www.met.gov.my/iklim/fdrs/mfdrs</a></p> <p>FDRS digunakan sebagai panduan untuk meramal kelakuan/sifat api kebakaran oleh penggubal dasar dalam membuat keputusan bagi melindungi nyawa, alam sekitar dan harta-benda. Sistem ini juga memberi jangkaan awal mengenai potensi nyalaan dan kadar kesukaran pengawalan kebakaran.</p>	 <p>Contoh: Peta FDRS</p>
	<p><b>Perubahan Iklim, Cuaca Ekstrem dan Perubahan Suhu</b></p> <p>Maklumat perubahan iklim dan cuaca harian mahupun ramalan untuk negeri-negeri dan Malaysia amnya boleh diperolehi pada laman sesawang Jabatan Meteriologi Malaysia.</p> <p><a href="http://bencana.met.gov.my">bencana.met.gov.my</a></p>	 <p>Contoh: Muka Laman sesawang cuaca ekstrem</p>
	<p><b>Ramalan El Niño</b></p> <p>Contoh: Jika masuk laman sesawang METMalaysia klik Iklim (pada kolum utama) dan klik “Ramalan Bermusim” kemudian pilih “Ramalan El Niño terkini/sebagainya”.</p> <p><a href="http://www.met.gov.my/iklim/ramalanbermusim/ramalanelnino terkini">www.met.gov.my/iklim/ramalanbermusim/ramalanelnino terkini</a></p>	 <p>Contoh Info El Niño</p>

BIL	PENANDA ARAS RAMALAN CUACA RISIKO KEBAKARAN	RUJUKAN / CATATAN
<p>II.</p>	<p><b>ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC)</b></p> <p>ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC) adalah institut yang bertanggungjawab untuk program kerjasama serantau di antara negara anggota ASEAN bagi meningkatkan kapasiti dan sokongan serantau dalam penyediaan perkhidmatan meteorologi.</p> <p><a href="http://asmc.asean.org/home">asmc.asean.org/home</a></p> <p>Maklumat yang penting boleh diperolehi daripada ASMC adalah:</p> <p>I. Info Titik Panas “Hotspots”</p> <p>II. Info Jerebu</p> <p>Sumber perolehan menggunakan satelit NOAA.</p> <p><b>Pemantauan Bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU)</b></p> <p><a href="http://apims.doe.gov.my">apims.doe.gov.my</a></p> <p><a href="http://apims.doe.gov.my/public_v2/home.html">apims.doe.gov.my/public_v2/home.html</a></p> <p>Indeks Pencemaran Udara (IPU) yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar Malaysia merupakan petunjuk bagi status kualiti udara dalam atmosfera. IPU mempunyai julat antara 0 hingga 500 dan dibahagikan kepada 6 kategori mengikut potensi kesannya kepada kesihatan manusia.</p>	 <p><i>Contoh: Rajah infomasi titik panas (titik merah), indikator jerebu (lorekan jingga)</i></p>  <p><i>Contoh: Rajah maklumat IPU</i></p>
<p>III.</p>	<p><b>APEC Climate Centre (APCC)</b></p> <p><a href="http://www.apcc21.org">www.apcc21.org</a></p> <p>APCC mengumpulkan maklumat ramalan iklim daripada 17 pusat ramalan iklim dan institut terkemuka di 11 negara. Ramalan ini digabungkan menggunakan skema <i>multi-model ensemble</i> (MME). Sejak tahun 2007, APCC telah mengeluarkan maklumat suhu dan kerpasan bulanan termasuk ramalan bagi tempoh 3 bulan akan datang.</p> <p>Perkhidmatan maklumat iklim berdasarkan sistem ramalan MME. Ramalan suhu dan penghasilan hujan.</p>	<p>Temperature and Precipitation Outlook:</p> <p>1. Forecast for September – November 2019</p> <p>Strongly enhanced probability for above normal temperatures is predicted for the Arctic, Pacific (excluding the eastern South Pacific, central and eastern equatorial Pacific, and the central North Pacific), western Atlantic, maritime continent, northern and eastern Australia, and the Indian Ocean (excluding the eastern region). Enhanced probability for above normal temperatures is expected for the eastern Antarctic, Eurasia, Africa (excluding the central region), Alaska, Canada, western USA, and northern South America. Enhanced probability for below normal temperatures is predicted for the eastern Indian Ocean, Great Australian Bight, off-equatorial eastern South Pacific, and the seas near the Antarctic Peninsula. Enhanced probability for near normal temperatures is expected for the central and eastern equatorial Pacific. Enhanced probability for above normal precipitation is expected for the off-equatorial North Pacific, central Indian Ocean, and the Barents, Kara, Laptev, and Beaufort Seas. Strongly enhanced probability for below normal precipitation is predicted for the eastern Indian Ocean and the Java Sea. Enhanced probability for below normal precipitation is expected for Australia, the Great Australian Bight, Coral Sea, and the off-equatorial North Atlantic. Enhanced probability for near normal precipitation is predicted for the equatorial Pacific.</p>  <p><i>Contoh Info ramalan suhu</i></p>

BIL	PENANDA ARAS RAMALAN CUACA RISIKO KEBAKARAN	RUJUKAN / CATATAN
IV.	<p><b>ASEAN Fire Alert Tool (Aplikasi Telefon)</b></p> <p>ASEAN <i>Fire Alert Tool</i> merupakan aplikasi telefon mudah alih. Sumber maklumat titik panas tersebut adalah dari ASEAN <i>Specialized Meteorology Centre</i> (ASMC) dan <i>Indonesian National Institute of Aeronautics and Space</i> (LAPAN). Manakala maklumat berkenaan <i>Fire Weather Index</i> (FWI) pula disalurkan daripada Jabatan Meteorologi Malaysia. Aplikasi ini akan menghantar mesej amaran terus kepada telefon ahli berdaftar jika terdapat titik panas di kawasan kepentingan ahli tersebut.</p>	 <p><i>Aplikasi android/ iOS</i></p>
V.	<p><b>Sistem Maklumat Kebakaran Hutan (Forest Fire Information System, ForFIS)</b></p> <p>Sistem ini telah dibangunkan oleh MYSA bagi menyalurkan maklumat titik panas dan imej kebakaran hutan/terbuka secara atas talian. Pembangunan ForFIS adalah selaras dengan mandat dalam ARAHAN 20, MKN.</p> <p>Antara maklumat yang terkandung di dalam ForFIS adalah:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Taburan titik panas yang dijana daripada satelit NOAA (sumber ASMC) dan MODIS (sumber MYSA);</li> <li>Statistik titik panas berdasarkan Mukim, Daerah, Negeri dan Negara yang dikemaskini secara harian;</li> <li>Imej satelit kawasan terbakar yang dikesan melalui imej SPOT 6/7 (resolusi tinggi), LANDSAT8 dan Sentinel-2 (resolusi sederhana), serta MODIS dan SNPP (resolusi rendah); dan</li> <li>Laporan Harian titik panas dan lokasi kebakaran.</li> </ol> <p>Lain-lain maklumat tambahan adalah seperti IPU (sumber JAS), arah angin, peta litupan tanah hasil interpretasi imej satelit (sumber MYSA).</p>	 <p><i>Sistem Maklumat Kebakaran Hutan (ForFIS) beroperasi sepenuhnya mulai Jun 2011 dan boleh diakses di:</i></p> <p><a href="http://forfis.arasm.gov.my">forfis.arasm.gov.my</a></p>

# 8.0 PEMBANGUNAN DAN PEMBINAAN INFRASTRUKTUR PENCEGAHAN KEBAKARAN TANAH GAMBUT

Pembangunan dan pembinaan infrastruktur mempunyai dwifungsi kegunaan, yang utama adalah untuk pencegahan dan kedua adalah operasi semasa kebakaran hutan dan tanah gambut. Infrastruktur yang dibina adalah Aset Tak Alih. Berikut adalah senarai infrastruktur yang telah dan perlu dibangunkan sebagai pendekatan dan strategi dalam program pencegahan tanah gambut sering terbakar dan mengatasi jerebu di Malaysia.

Senarai sekatan saluran paip air, telaga tiub, menara tinjau, kolam takungan dan saluran paip air (*High Density Polyethylene Pipe / HDPE*) yang telah dibina mengikut kawasan (negeri) adalah seperti di **LAMPIRAN J**.

Gambar menunjukkan contoh-contoh sekatan saluran, telaga tiub, menara tinjau, kolam takungan dan saluran paip air seperti di **LAMPIRAN K**.





## 8.1 JENIS DAN FUNGSI INFRASTRUKTUR

Jadual 6: Jenis infrastruktur dalam Program Mencegah Kebakaran Tanah Gambut berserta huraian

Sesuai untuk



JENIS INFRASTRUKTUR, HURAIAN DAN FUNGSI	PENYELENGGARAAN
<p><b>8.1.1 Sekatan Saliran atau “Check Dam”</b></p> <p>Sekatan saluran merupakan satu benteng /empangan penghadang dan dibina merentasi sesebuah saluran atau perparitan untuk menyekat atau memperlambatkan laluan air yang keluar dari hutan dan kawasan tanah gambut yang perlu dipulihara.</p> <p><b>Fungsi dan tujuan:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>I. Meningkatkan paras dan menakung air dalam parit dan kelembapan tanah gambut bagi jangka masa panjang</li> <li>II. Mengawal paras dan aliran air dalam kawasan gambut</li> <li>III. Sebagai kaedah kawalan banjir di kawasan hilir</li> <li>IV. Menakung air di kawasan tanah gambut bagi kerja-kerja memadamkan api oleh pihak BOMBA dan agensi yang berkaitan</li> <li>V. Pemulihan dan pengurusan sistem saluran parit di kawasan gambut</li> </ol> <p>Terdapat pelbagai jenis reka bentuk sekatan saluran, yang menggunakan bahan-bahan binaan lain mengikut kesesuaian kawasan tersebut.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memantau dan memeriksa keadaan Sekatan Saliran dan paras air mengikut pelan perancangan yang ditetapkan berdasarkan polisi penyelenggaraan*</li> <li>• Membersihkan kawasan persekitaran, membaik pulih, menggantikan atau membentuk semula kecacatan berdasarkan laporan kerosakan atau kerosakan yang ditemui semasa pemeriksaan berkala</li> <li>• Mengemukakan pelaporan kepada ibu pejabat JAS/negeri mengikut ketetapan dalam PTO</li> </ul> <p><b>Agensi yang terlibat :</b> JAS Negeri, JPS, JPSM / JPN</p>

JENIS INFRASTRUKTUR, HURAIAN DAN FUNGSI	PENYELENGGARAAN
<p>Sesuai untuk</p>  <p>Pencegahan</p>  <p>Pemadaman</p> <p><b>8.1.2 Telaga Tiub</b></p> <p>Telaga tiub adalah sebuah struktur bawah tanah yg dibina bagi membolehkan sumber air bawah tanah diekstrak ke permukaan bumi. Sumber air bawah tanah ini adalah boleh didapati dalam akuifer cetek berpasir atau akuifer dalam batuan keras.</p> <p>Pemilihan tempat bagi pembinaan telaga tiub adalah berdasarkan keperluan sumber air di kawasan tersebut, keputusan kajian geofizik, akses ke lokasi penggerudian, kesesuaian kawasan penggerudian serta hak milik tanah. Penyepaman air dilaksanakan pada waktu tertentu mengikut keperluan dan arahan rasmi bertujuan untuk:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>I. Membasahkan atau membanjirkan kawasan yang kering/ terbakar</li> <li>II. Meningkatkan paras air pada kawasan tanah gambut dan saluran yang berdekatan untuk sumber kepada operasi pencegahan dan pemadaman kebakaran</li> </ol>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memantau dan memeriksa keadaan telaga tiub dan paras air bawah tanah mengikut pelan perancangan yang ditetapkan berdasarkan polisi penyelenggaraan*</li> <li>• Membersihkan kawasan persekitaran, membaik pulih berdasarkan laporan kerosakan atau kerosakan yang ditemui semasa pemeriksaan berkala</li> <li>• Mengemukakan pelaporan kepada ibu pejabat JAS/negeri mengikut ketetapan dalam PTO</li> </ul> <p><b>Agensi yang terlibat :</b> JAS Negeri, JMG</p>
<p>Sesuai untuk</p>  <p>Pencegahan</p>  <p>Pemadaman</p> <p><b>8.1.3 Kolam Takungan</b></p> <p>Kolam takungan air ialah ruang tebatan simpanan air yang digunakan ketika waktu kecemasan dan semasa berlakunya kebakaran dengan membekalkan sumber air dari hujan.</p> <p>Jika kekeringan dan kebakaran di sesuatu kawasan berlaku kolam takungan digunakan untuk membekalkan sumber air yang dipam untuk membasahkan kawasan bagi tujuan pencegahan dan juga ke saluran yang berdekatan untuk sumber air semasa operasi pemadaman.</p> <p>Pembinaan kolam takungan di luar kawasan tanah gambut dan berhampiran kawasan sering terbakar adalah lebih strategik bagi pencegahan dan pengawalan kebakaran.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memantau dan memeriksa keadaan Kolam Takungan mengikut pelan perancangan yang ditetapkan berdasarkan polisi penyelenggaraan*</li> <li>• Membersihkan kawasan persekitaran, membaik pulih berdasarkan laporan kerosakan atau kerosakan yang ditemui semasa pemeriksaan berkala</li> <li>• Mengemukakan pelaporan kepada ibu pejabat JAS/Negeri mengikut ketetapan dalam PTO</li> </ul> <p><b>Agensi yang terlibat :</b> JAS Negeri, JPS, JPSM / Jabatan Perhutanan Negeri</p>

Sesuai untuk



## JENIS INFRASTRUKTUR, HURAIAN DAN FUNGSI

## PENYELENGGARAAN

### 8.1.4 Menara Tinjau

Menara tinjau dibina berstruktur stabil, dengan ketinggian 70-100 kaki daripada paras tanah. Digunakan untuk pemantauan dan tinjauan dari aras tinggi dan 360 darjah bagi kawasan sekeliling tanah gambut yang jarak luas dibantu oleh penggunaan binokular. Khususnya untuk pemantauan harian kawasan berisiko / aktiviti pencerobohan bagi pencegahan, mengenalpasti kawasan terbakar / asap dan boleh digunakan untuk memantau keadaan semasa operasi pemadaman dijalankan sekiranya berlakunya kebakaran lain di kawasan yang berdekatan.

- Menyelenggara menara tinjau;
- Menjalankan pemantauan dan pemeriksaan berskala pelan perancangan yang ditetapkan berdasarkan polisi penyelenggaraan\*
- Menjalankan penyelenggaraan juga dilaksanakan berdasarkan laporan kerosakan atau kerosakan yang ditemui semasa pemeriksaan berkala
- Mengemukakan pelaporan kepada ibu pejabat JAS/Negeri mengikut ketetapan dalam PTO

#### Agensi yang terlibat :

JAS Negeri, JPSM / Jabatan Perhutanan Negeri / Majlis Bandaraya Miri / RELA

Sesuai untuk



### 8.1.5 Saluran Paip Air

Pembinaan dan pemasangan saluran paip air adalah suatu pendekatan inovatif yang bertujuan untuk mengawal, mencegah dan mengurangkan risiko kebakaran di kawasan tanah gambut terosot. Kaedah ini digunakan dengan mengepam air dari kawasan takungan air seperti lombong atau kolam tinggalan yang disalurkan ke kawasan sering terbakar.

- Saluran paip air menyalurkan air ke kawasan yang jauh daripada kawasan takungan air ke hutan atau kawasan mudah terbakar dengan menggunakan pam.
- Diaktifkan untuk membanjiri kawasan tanah gambut ketika cuaca panas ekstrem dan kemarau.

- Memantau dan memeriksa keadaan saluran paip air mengikut pelan perancangan yang ditetapkan berdasarkan polisi penyelenggaraan\*
- Membersihkan kawasan persekitaran, membaik pulih kecacatan berdasarkan laporan kerosakan atau kerosakan yang ditemui semasa pemeriksaan berkala
- Mengemukakan pelaporan kepada ibu pejabat JAS / Negeri mengikut ketetapan dalam PTO

#### Agensi yang terlibat :

JAS Negeri, JPS, JPSM / Jabatan Perhutanan Negeri

Sesuai untuk



## JENIS INFRASTRUKTUR, HURAIAN DAN FUNGSI

### 8.1.6 Papan tanda Sistem Risiko Bahaya Kebakaran (FDRS)

Papan tanda FDRS ialah papan info mengenai amaran awal bagi pencegahan kebakaran tanah gambut melalui analisa cuaca terkini yang kemudiannya diinterpretasikan ke dalam bentuk indeks menggunakan kod warna Merah, Kuning, Hijau dan Biru. Indeks bacaan sistem ini berfungsi sebagai petunjuk dari *Initial Spread Index (ISI)*, *Build Up Index (BUI)* dan *Fire Weather Index (FWI)*.

[www.met.gov.my/iklim/fdrs/mfdrs#](http://www.met.gov.my/iklim/fdrs/mfdrs#)

Pemasangan papan tanda FDRS penting untuk memberi makluman dan amaran awal mengenai keadaan cuaca risiko bahaya kebakaran supaya langkah-langkah pencegahan dapat diambil segera dan persediaan awal dapat dilaksanakan untuk mengelak sebarang kebakaran api di luar kawalan dan berskala besar di kawasan sering terbakar.

Cadangan: Papan tanda FDRS sesuai dipasang pada jalan masuk utama/ kawasan mudah akses yang berdekatan kawasan risiko kebakaran dan HSK.

## PENYELENGGARAAN

- Memantau dan mengemaskini papan tanda FDRS mengikut keperluan.
- Menggantikan atau memasang papan info baru bagi tahap kecacatan tinggi berdasarkan laporan kerosakan atau kerosakan yang ditemui semasa pemeriksaan berkala

### Agensi yang terlibat :

JAS Negeri, JPSM / Jabatan Perhutanan Negeri

Sesuai untuk



### 8.1.7 Piezometer

*Piezometer* merupakan alat pengukur air yang berstruktur lohong berselongsong dan berskrin yang dibina didalam lapisan tanah gambut. Pengukuran dan pemantauan paras air bawah tanah boleh dilakukan secara berkala / pada musim kering dengan *piezometer*.

kajian perlu dilaksanakan sebelum pemilihan kawasan bagi pemasangan *piezometer*, melihat kepada objektif yang jelas, berasaskan keperluan kepada pengendalian pemantauan berkala, bagi kawasan yang berisiko dan perlu dipulihara. Contohnya: di kawasan sempadan hutan simpanan kekal dan kawasan tanah /paya gambut yang terbiar, terosot dan berisiko kebakaran di bawah tanah negeri yang berpotensi untuk dipulihkan sebagai ekosistem tadahan air dan tebatan banjir.

- Menggantikan atau memasang *piezometer* bagi tahap kecacatan tinggi berdasarkan laporan kerosakan atau kerosakan yang ditemui semasa pemeriksaan berkala\*
- Mengemukakan pelaporan kepada ibu pejabat JAS/Negeri mengikut ketetapan dalam PTO

### Agensi yang terlibat :

JAS Negeri, JPS, JPSM / JPN / JMG

Sesuai untuk



Sesuai untuk



## JENIS INFRASTRUKTUR, HURAIAN DAN FUNGSI

## PENYELENGGARAAN

### 8.1.8 Laluan akses kawasan risiko kebakaran

Laluan akses agak sukar didapati khususnya di kawasan sempadan HSK yang berhampiran dengan kawasan tanah gambut sering terbakar.

Oleh yang demikian, pembinaan laluan akses adalah penting bagi tujuan menjalani pemantauan oleh pasukan pemantau dan operasi pemadaman kebakaran. Laluan tersebut juga boleh berfungsi sebagai pemisah api. Spesifikasi laluan akses yang baik adalah 5m lebar untuk memudahkan laluan jentera.

- Memantau dan memeriksa keadaan laluan akses mengikut pelan perancangan yang ditetapkan berdasarkan polisi penyelenggaraan\*
- Membersihkan kawasan persekitaran, membaik pulih, menggantikan atau membentuk semula kecacatan berdasarkan laporan kerosakan atau kerosakan yang ditemui semasa pemeriksaan berkala
- Mengemukakan pelaporan kepada ibu pejabat JAS Negeri / Pusat / Ibu Pejabat diperlukan pada setiap bulan

#### Agensi yang terlibat :

JAS Negeri, JPS, JPSM / JPN

### 8.1.9 Benteng tanah liat (*Clay dyke*)

Pembinaan benteng tanah liat adalah sebahagian daripada pengurusan hidrologi yang efektif. Ia memastikan kelangsungan tadahan air dan ketinggian paras air dalam tanah gambut dengan menghentikan pengaliran atau peresapan air keluar, sekaligus meningkatkan kelembapan, mencegah kebakaran dan menggalakkan pertumbuhan vegetasi secara semulajadi.

Benteng tanah liat ini juga sebagai sempadan perlindungan dan laluan akses serta ketersampaian ke kawasan sempadan yang penting untuk tujuan aktiviti pemantauan dan juga pemulihan kawasan terosot.

- Memantau dan memeriksa keadaan Benteng Tanah Liat mengikut pelan perancangan yang ditetapkan berdasarkan polisi penyelenggaraan\*
- Membersihkan kawasan persekitaran, membaik pulih, menggantikan atau membentuk semula kecacatan berdasarkan laporan kerosakan atau kerosakan yang ditemui semasa pemeriksaan berkala
- Mengemukakan pelaporan kepada ibu pejabat JAS Negeri / Pusat / Ibu Pejabat diperlukan pada setiap bulan

#### Agensi yang terlibat :

JAS Negeri, JPSM / JPN

*\*Nota: Projek pembinaan infrastruktur perlu mempunyai tatacara yang berkaitan dengan pengurusan aset tak alih khusus mengikut jenis infrastruktur untuk diguna pakai oleh setiap agensi atau pihak berkuasa. Tatacara pengurusan aset yang kompherensif meliputi aspek-aspek perancangan, pemilihan lokasi (termasuk jenis kajian lapangan), pewujudan, penerimaan, pendaftaran, penggunaan, pemeriksaan, penyelenggaraan, pelupusan dan hapus kira aset hendaklah dipatuhi sepenuhnya.*

*Polisi penyelenggaraan bagi setiap infrastruktur perlu disediakan oleh agensi pelaksana dengan mengambil kira ketahanan maksima sejajar dengan perbelanjaan pembinaan, mencapai tahap kebolegunaan, mencegah kerosakan berterusan sehingga sukar diperbaiki (beyond economic repair) dan menjimatkan perbelanjaan dan mengekalkan keadaan fizikal infrastruktur dengan baik.*

## 9.0 KERJASAMA PINTAR DI ANTARA PIHAK BERKEPENTINGAN DAN PENGLIBATAN KOMUNITI SERTA SEKTOR SWASTA

Tadbir urus yang baik bagi pencegahan kebakaran tanah gambut di Malaysia perlu melibatkan rangka kerja institusi. Pada masa kini, pendekatan multi-sektor adalah satu bentuk rangka kerja institusi yang paling berkesan menghubungkan pelbagai kepentingan antara sektor utama seperti sektor awam, sektor industri, universiti dan NGO mempunyai konstituensi berbeza dari segi persekitaran fizikal, ragam disiplin kepakaran serta perhubungan antarabangsa, pusat, negeri dan daerah. Kebakaran tanah gambut dan masalah jerebu melanda negara perlu ditangani secara komprehensif oleh semua pihak termasuk meningkatkan kerjasama sektor kerajaan, swasta bagi mengurangkan jumlah 'hotspots' yang disebabkan oleh kebakaran hutan dan tanah gambut.

Terdapat dua bentuk kerjasama yang perlu diwujudkan bagi pencegahan kebakaran tanah gambut; kerjasama awam-swasta dan kerjasama pintar. Kerjasama awam-swasta merupakan tadbir urus gabungan mengintegrasikan beberapa kepakaran berlainan institusi apabila terdapatnya permasalahan kebakaran tanah gambut untuk menanganinya. Kerjasama pintar pula berfungsi menghubungkan inisiatif beberapa institusi dengan inisiatif penglibatan komuniti setempat supaya pencegahan kebakaran tanah gambut dapat memberi impak positif di peringkat tempatan. Di Malaysia, perundangan terbahagi pada dua peringkat; Perlembagaan Malaysia di peringkat persekutuan dan enakmen di peringkat negeri-negeri Semenanjung Malaysia manakala ordinan di peringkat negeri Sabah dan Sarawak.

Kerjasama erat antara kerajaan persekutuan dan negeri dalam pelaksanaan PTO ini amat diperlukan bagi memastikan dan menjayakan usaha berterusan kerajaan dalam mencegah dan menangani kebakaran tanah gambut di seluruh Malaysia secara lebih efektif dan produktif, bagi mengatasi kejadian masalah jerebu yang boleh mengancam kualiti udara, hidup dan persekitaran.

Contoh program kerjasama bagi pencegahan kebakaran tanah gambut yang boleh dilaksanakan dengan agensi-agensi kerajaan, pihak swasta dan komuniti setempat adalah seperti berikut:

- a. Program kesedaran awam JAS, universiti, sekolah dan komuniti setempat; contoh Hari Tanah Lembap Sedunia, Hari Bumi Sedunia, *Fun Run* dan sebagainya;
- b. Mengukuhkan peranan BOMBA sukarela di peringkat komuniti; dan
- c. Rangkaian kerjasama pintar:
  - I. Kerajaan Persekutuan (JAS, JPS, JMG, Jabatan Pertanian, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dll)
  - II. Kerajaan negeri (UPEN, PTG, PBT; NREB dll)
  - III. Pihak swasta / berkepentingan yang membangunkan sektor perladangan, perhutanan, pembinaan, pengkuarian dan lain-lain di kawasan tanah gambut.
  - IV. Komuniti (JKK, belia, pekerja ladang, komuniti kampung yang berkaitan)

Rujukan pihak berkepentingan yang memainkan peranan penting dan berkerjasama dalam pelaksanaan PTO adalah seperti pada **LAMPIRAN B**.



*Majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) PTO bagi mencegah dan mengawal kebakaran tanah gambut antara NREB dan empat syarikat korporat selaku pemilik tanah di Miri pada tahun 2016*

# 10.0 PELAN STRATEGIK PENGURUSAN KEBAKARAN TANAH GAMBUT

Pelan Strategik Pengurusan Kebakaran Tanah Gambut ialah satu panduan bagi pengurusan kebakaran secara bersepadu dan distrukturkan berdasarkan kitaran pengurusan bencana yang digunakan untuk merancang dan bertindak balas terhadap bencana alam dan manusia, baik pada skala yang kecil di peringkat tempatan dan skala besar di peringkat negeri / negara. Empat komponen utama untuk kitaran kecemasan bencana adalah Pencegahan, Kesiapsiagaan, Tindak Balas dan Pemulihan. Pelaksanaan PTO ini mengutamakan 80% pencegahan dan 20% pemadaman. Sehubungan dengan itu, skop pelan strategik ini merangkumi empat peringkat utama dan diselaraskan kepada tiga keadaan dalam menangani kebakaran tanah gambut seperti berikut:

- I. Sebelum kebakaran tanah gambut yang merangkumi pencegahan dan persediaan
- II. Semasa kebakaran tanah gambut yang merangkumi tindak balas
- III. Selepas kebakaran tanah gambut yang merangkumi pemulihan

Rajah 4: Kitaran pengurusan kebakaran tanah gambut




Pelan strategik ini diterjemahkan daripada “ASEAN Guidelines on Peatland Fire Management” dan Pelan Tindakan Pembakaran Terbuka Kebangsaan. Rujukan selanjutnya pada **LAMPIRAN H** bagi mengetahui perancangan dan Sistem Pengurusan Kebakaran Tanah Gambut Bersepadu.

# 11.0 PEMANTAUAN, PENILAIAN DAN PENYELENGGARAAN INFRASTRUKTUR

Pemantauan, penilaian dan penyelenggaraan infrastruktur perlu diberi perhatian serius kerana pembinaan infrastruktur telah menyebabkan kos untuk penyelenggaraan meningkat secara mendadak di samping perbelanjaan yang besar telah dilaburkan dalam menyediakan infrastruktur tersebut yang memenuhi keberkesanan PTO ini. Jika pemantauan, pembaikan dan penggantian terhadap isu kecacatan dan kerosakan infrastruktur tidak diberi penekanan serius, secara tidak langsung ia akan memberi kesan negatif kepada nilai estetika infrastruktur tersebut dan pelaksanaan program pencegahan kebakaran tanah gambut yang sering terbakar dan mengatasi jerebu di Malaysia bagi jangka panjang. Berikut adalah ringkasan Proses *Plan-Do-Check-Act* (PDCA).

Rajah 3: Proses *Plan-Do-Check-Act* (PDCA).



Peta taburan tanah gambut dan infrastruktur yang telah dibina di bawah JAS adalah seperti dalam **LAMPIRAN L**.

Senarai perhubungan agensi yang terlibat di peringkat Persekutuan, Johor, Kelantan, Pahang, Sabah, Sarawak, Selangor dan Terengganu dalam melaksanakan PTO ini adalah seperti dalam **LAMPIRAN M**.

## 12.0 PEMILIKAN, INVENTORI INFRASTRUKTUR DAN KAWALAN PERALATAN

- Sebelum permohonan peruntukan atau pelaksanaan pembinaan infrastruktur, agensi teknikal atau pelaksana peringkat persekutuan dan negeri perlu mendapatkan kelulusan pewartaan kawasan pembinaan infrastruktur (*land acquisition*) melalui pendekatan hubungan antara kerajaan dengan kerajaan (*G to G*) dari pihak Berkuasa Negeri.
- Infrastruktur yang dibina adalah Aset Tak Alih dan merupakan pelaburan negara bagi mengatasi masalah kebakaran tanah gambut dan jika tidak diuruskan dengan sempurna akan membebankan kewangan dan menjejaskan tahap kefungsiannya infrastruktur tersebut.
- Memastikan pendaftaran Aset Tak Alih dilaksanakan berdasarkan pendekatan pengurusan aset menyeluruh bagi memastikan penambahbaikan berterusan dapat dilakukan terhadap infrastruktur tersebut.
- Pengurusan infrastruktur perlu dilaksanakan secara sistematik, holistik dan lestari oleh agensi pelaksana (pemilik infra) untuk mencapai faedah infrastruktur yang optimum.
- Peralatan yang dibeli dan dibekalkan di bawah projek ini hendaklah dikawal selia oleh agensi pelaksana berkenaan atau agensi yang bertanggungjawab (pemilik) infrastruktur. Sebagai contoh *genset* dan *trailer* adalah di bawah kawal selia JMG negeri berkaitan.
- Sekiranya terdapat keperluan untuk membekalkan atau mengaktifkan peralatan tersebut, agensi yang memohon hendaklah dimaklumkan secara bertulis dan mendapat persetujuan daripada agensi pelaksana berkenaan termasuk menanggung kos perbelanjaan pengendalian peralatan tersebut. Pihak lain yang turut berkaitan seperti Ibu Pejabat JAS, Jawatankuasa Bencana Negeri dan Pejabat JAS Negeri juga perlu dimaklumkan mengenai permohonan tersebut.

# LAMPIRAN A: RUJUKAN DASAR & PERUNDANGAN

## **Dasar dan rancangan mengenai pengurusan tanah gambut di Malaysia:**

- i. Rancangan Fizikal Negara Ketiga (RFN Ke-3)
- ii. Dasar Perbandaran Negara Kedua (DPN2)
- iii. Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara (DPF DESA NEGARA)
- iv. Dasar Sumber Air Negara 2012 (DSAN)
- v. Dasar Kebangsaan Mengenai Perubahan Iklim 2010 (NPCC)
- vi. Dasar Tanah Lembap Negara 2004
- vii. Dasar Agromakanan Negara 2012
- viii. Dasar Alam Sekitar Negara 2002
- ix. Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 2016-2025
- x. Dasar Perhutanan Negara 1978 (Pindaan 1992)

## **Akta-akta yang tertakluk di bawah Perlembagaan Persekutuan berkaitan guna tanah gambut melibatkan beberapa enakmen negeri-negeri Semenanjung Malaysia:**

- i. Akta Air 1920
- ii. Akta Haiwan 1953 (Pindaan 2006)
- iii. Akta Orang Asli 1954
- iv. Akta Pemuliharaan Tanah 1960
- v. Kanun Tanah Negara 1965
- vi. Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972
- vii. Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010
- viii. Akta Penyiasatan Kajibumi 1974
- ix. Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974
- x. Akta Racun Makhluk Perosak 1974
- xi. Akta Kerajaan Tempatan 1976
- xii. Akta Kuarantin Tumbuhan 1976
- xiii. Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976
- xiv. Akta Taman Negara 1980
- xv. Akta Perikanan 1985
- xvi. Akta Perhutanan Negara 1984 (Pindaan 1993)
- xvii. Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004
- xviii. Akta Biokeselamatan 2007
- xix. Akta Perdagangan Antarabangsa Spesies Terancam 2008

**Sabah:**

- i. Ordinan Tanah 1950 (Sabah Bab 68)
- ii. Ordinan Pengambilan Tanah 1950 (Sabah Bab 69)
- iii. Enakmen Mineral 1999
- iv. Ordinan Tafsiran Anak Negeri 1952
- v. Ordinan Pemeliharaan Fauna 1963
- vi. Enakmen Hutan 1968
- vii. Peraturan Hutan 1969
- viii. Enakmen Lembaga Kemajuan Perhutanan Negeri Sabah 1981
- ix. Enakmen Taman-Taman 1984
- x. Enakmen Mahkamah Anak Negeri 1992
- xi. Kaedah Mahkamah Anak Negeri (Undang-Undang Adat Anak Negeri) 1995
- xii. Enakmen Perlindungan Hidupan Liar 1997
- xiii. Enakmen Undang-Undang Warisan Budaya (Pemuliharaan) 1997
- xiv. Enakmen Sumber Air Sabah 1998
- xv. Enakmen Biodiversiti Sabah 2000
- xvi. Enakmen Perlindungan Alam Sekitar 2002
- xvii. Perintah Perlindungan Alam Sekitar (Aktiviti yang Ditetapkan) 2005
- xviii. Perintah Perlindungan Alam Sekitar (Aktiviti yang ditetapkan)(Penilaian Kesan Alam Sekitar) 2005

**Sarawak:**

- i. Ordinan Pihak Berkuasa Tempatan 1996 (Bab 20)
- ii. Ordinan Hutan (Bab 126 – 1958 Ed.)
- iii. Kaedah Hutan 1962
- iv. Kaedah Hutan (Hutan Tanam) 1997
- v. Ordinan Pusat Kepelbagaian Biologi 1997 pindaan 2014
- vi. Ordinan Mahkamah Anak Negeri 1992 (Bab 9)
- vii. Ordinan Sumber Asli dan Alam Sekitar 1993 ( Bab 84 – 1958 Ed.)
- viii. Ordinan Taman Awam dan Tanaman Hijau 1993 (Bab 3)
- ix. Ordinan Sungai Sarawak 1993 (Bab 4)
- x. Ordinan Air 1994 (Bab 13)
- xi. Ordinan Perbadanan Perhutanan Sarawak 1995 (Bab 17)
- xii. Kanun Tanah Negeri 1958 (Bab 81 – 1958 Ed.)
- xiii. Ordinan Perlindungan Hidupan Liar 1998 (Bab 26)
- xiv. Ordinan Taman Negara dan Rizab Alam Semulajadi 1998 (Bab 27)
- xv. Ordinan Perlindungan Kesihatan Awam 1999 (Bab 32)
- xvi. Ordinan Perlombongan (Bab 83 – 1958 Ed.)
- xvii. Ordinan Pusat Kepelbagaian Biologi Sarawak 1997 (Bab 24)
- xviii. Peraturan Kepelbagaian Biologi Sarawak 2004
- xix. Garis Panduan Pengurusan Air Untuk Pembangunan Pertanian Di Paya Gambut Dataran Rendah Sarawak JPS

# LAMPIRAN B: SENARAI AGENSI DAN PIHAK BERKEPENTINGAN

AGENSI	PERANAN UTAMA
<p><b>Jabatan Pertanian Malaysia</b> <b>Jabatan Pertanian Sabah &amp; Negeri Sembilan</b> <b>Jabatan Pertanian Sarawak</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengenalpasti kawasan pertanian / guna tanah khususnya tanah gambut yang berisiko tinggi terbakar di Malaysia, Sabah dan Sarawak;</li> <li>• Membekalkan dan mengemaskini maklumat guna tanah dan pemetaan terkini taburan tanah gambut di Malaysia, Negeri Sabah dan Sarawak; dan</li> <li>• Memberi khidmat nasihat, latihan dan kesedaran kepada petani yang mengusahakan kawasan tanah gambut untuk tujuan pertanian dengan mengamalkan Skim Amalan Pertanian Baik Malaysia (myGAP) seperti teknik pengurusan pertanian lestari di kawasan tanah gambut dan meminimumkan impak kepada persekitaran. (<b>LAMPIRAN I</b>).</li> </ul>
<p><b>PLANMalaysia</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bertindak sebagai penasihat utama kepada kerajaan persekutuan dan negeri mengenai segala perkara mengenai perancangan, termasuk pemeliharaan penggunaan tanah dan pembangunan;</li> <li>• Bertindak sebagai penasihat kepada pihak berkuasa tempatan di bandar dan desa, dan pembangunan dan penggunaan tanah;</li> <li>• Menjalankan Kajian Kesesuaian Pembangunan Tanah Gambut Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) Risiko Bencana;</li> <li>• Menyelaraskan penyediaan pelan pembangunan tanah gambut secara lestari dan menggunakan PTO dalam program mencegah kebakaran tanah gambut mengatasi jerebu di peringkat kebangsaan, negeri dan tempatan; dan</li> <li>• Rancangan Struktur Negeri, Rancangan Tempatan dan Rancangan Kawasan Khas dan projek penyelidikan / khas sama ada diarahkan atau atas inisiatif jabatan berdasarkan penggunaan komponen KSAS.</li> </ul>
<p><b>Agensi Angkasa Malaysia (MYSA)</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membangunkan pelbagai sistem / pakej aplikasi berteraskan teknologi remote sensing dan teknologi-teknologi lain yang berkaitan (seperti Sistem Maklumat Geografi - <i>GIS</i>, Sistem Penentuan kedudukan Global - <i>GPS</i> dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi - <i>ICT</i>) bagi diguna pakai oleh agensi pelaksana dan pihak berkepentingan yang berkaitan untuk meningkatkan pengurusan hutan dan tanah gambut dengan lebih cekap dan berkesan serta menangani masalah kebakaran tanah gambut dengan lebih efisien;</li> <li>• Memformulasi Pelan Pengurusan Kebakaran Hutan – <i>Total Forest Fire Management Plan (TFFMP)</i> bagi mengesan kebakaran dan memantau kebakaran hutan; dan</li> <li>• Membangunkan sistem kebakaran hutan, <i>Forest Fire Information System (ForFIS)</i> atas talian.</li> </ul>

AGENSI	PERANAN UTAMA
<b>Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara (MaCGDI)</b>	<p>Berkolaboratif ke arah pembangunan maklumat geospasial negara yang kukuh dan lestari dengan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyediakan infrastruktur bagi memudahkan perkongsian perkhidmatan dan maklumat geospasial di kalangan agensi pembekal serta pengguna (khas untuk keperluan program pengurusan tanah gambut, sering terbakar di Malaysia);</li> <li>• Menggalakkan penggunaan maklumat geospasial yang lebih meluas di peringkat kebangsaan; dan</li> <li>• Mempertingkatkan kesedaran terhadap nilai maklumat geospasial dan teknologi yang berkaitan.</li> </ul>
<b>Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Melaksanakan dasar dan program pembangunan untuk memastikan daya maju industri kelapa sawit Malaysia serta pengurusan tanah gambut secara mampan</li> <li>• Menjalankan dan menggalakkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan yang berhubungan dengan industri kelapa sawit (termasuk tanaman sawit di atas tanah gambut);</li> <li>• Mengawal selia, mendaftar, menyelaraskan dan menggalakkan segala kegiatan yang berhubungan dengan industri kelapa sawit;</li> <li>• Membangun, mempromosi dan mengkomersialkan penemuan penyelidikan serta mengadakan perkhidmatan teknikal, nasihat dan perundingan kepada industri kelapa sawit;</li> <li>• Untuk merancang, menyelaraskan, melaksanakan dan mengawasi segala kegiatan penyelidikan dan kemajuan tentang kelapa sawit dan keluaran kelapa sawit;</li> <li>• Mengarusperdanakan pemakaian PTO Mencegah Kebakaran Tanah Gambut dan Pelan Induk Pengurusan Tanah Gambut sering terbakar, dalam Skim Pensijilan Kemampunan Minyak Sawit Malaysia (MSPO) dan khususnya kepada syarikat-syarikat perladangan yang mempunyai konsesi di kawasan tanah gambut.</li> </ul>
<b>Pihak Berkuasa Negeri (BPEN/ UPEN) /Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengurusan tanah gambut secara lestari di seluruh negeri menerusi PTO dan Pelan Tindakan Tanah Gambut Negeri; dan</li> <li>• Menentukan dan memperuntukkan pembiayaan negeri bagi program pencegahan kebakaran tanah gambut di peringkat tempatan.</li> </ul>

AGENSI	PERANAN UTAMA
<p><b>Pejabat Daerah / Jabatan Tanah &amp; Ukur / Jawatankuasa Pengurusan Bencana / Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)</b></p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pejabat Daerah: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menubuhkan dan menyelaraskan tabung dana bagi tujuan melaksanakan pencegahan dan pemadaman kebakaran agar tindakan pantas dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan di peringkat daerah; dan</li> <li>• Menyelaraskan dan melaksanakan kerjasama pintar dengan syarikat perladangan (cadangan khas untuk Sabah).</li> </ul> </li> <li>2. Jawatankuasa Pengurusan Bencana di peringkat daerah: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Melaksanakan dasar, strategi, arahan, pelan tindakan dan hala tuju dalam mengendalikan tindakan pencegahan dan pengawalan kebakaran tanah gambut secara berkesan;</li> <li>• Melaksanakan program pembangunan keupayaan dan kesedaran awam dalam usaha menangani masalah kebakaran tanah gambut;</li> <li>• Menyelaraskan keperluan pengurusan dan bantuan pemadaman kebakaran seperti menentukan bantuan logistik dan mengambil alih (<i>requisition</i>) peralatan/jentera, bekalan makanan dan sumber tenaga kerja yang diperlukan semasa operasi pemadaman kebakaran; dan</li> <li>• Menjalankan <i>post-mortem</i> dengan segera selepas selesai pemadaman kebakaran bagi tujuan memperakukan penambahbaikan terhadap pengurusan dan pencegahan kebakaran tanah gambut.</li> </ul> </li> </ol>
<p><b>Pihak Berkepentingan yang berkaitan (termasuk swasta, NGO, Institusi Pendidikan dan Pengajian Tinggi dan komuniti)</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Melaksanakan kajian penyelidikan dan pembangunan (R&amp;D) pengurusan tanah gambut dan pencegahan kebakaran;</li> <li>• Sistem saliran di kawasan tanah gambut yang dimiliki perlu diuruskan dengan baik dan meningkatkan paras air dalam tanah gambut agar tidak berlakunya kebakaran dan jerebu;</li> <li>• Meningkatkan jaringan kerjasama dengan agensi kerajaan bagi menangani masalah kebakaran dan jerebu;</li> <li>• Pemantauan dan rondaan secara berkala perlu dilaksanakan di lokasi-lokasi berisiko terbakar berhampiran;</li> <li>• Meletakkan beberapa papan tanda amaran risiko kebakaran;</li> <li>• Menyediakan latihan pengurusan dan pencegahan kebakaran kepada kakitangan / penduduk setempat yang mengusahakan tanah gambut bagi tujuan pertanian dan lain-lain pembangunan;</li> <li>• Menjalankan program kesedaran dan promosi/ hebahan awam tentang bahaya kebakaran tanah gambut dan jerebu;</li> <li>• Menyertai program-program berkaitan pengurusan dan pencegahan kebakaran tanah gambut yang dianjurkan oleh agensi pelaksana; dan</li> <li>• Menjaga kawasan tanah gambut persekitaran terutamanya komuniti yang berhampiran dengan kawasan tersebut (sebagai program perintis angkat– kawasan pemantauan dan perondaan komuniti).</li> </ul>

# LAMPIRAN C: CONTOH SURAT PENGAKTIFAN OPERASI MENCEGAH PEMBAKARAN TERBUKA (OMPT) DAN PROGRAM MENCEGAH KEBAKARAN TANAH GAMBUT UNTUK MENGATASI JEREBU

## CONTOH SURAT

Ruj: JAS.100-2/1/11

Jld.1 ( )

Tarikh:

Semua Pengarah-Pengarah  
Jabatan Alam Sekitar Negeri

Ketua-Ketua Cawangan

YBhg.Dato'/Tuan/Puan,

### **Pengaktifan Program Mencegah Kebakaran Tanah Gambut Untuk Mengatasi Jerebu**

Saya dengan hormatnya diarah merujuk kepada perkara di atas.

1. Dimaklumkan, bahawa berdasarkan laporan tinjauan cuaca jangka masa panjang mengikut monsun daripada Jabatan Meteorologi Malaysia menunjukkan beberapa tempat ..... telah mengalami ..... . Selain daripada itu stesen pemantauan kualiti udara juga telah menunjukkan bacaan yang merosotan akibat daripada punca-punca pencemaran dalam negara.
2. Sehubungan itu, Dato'/Tuan/Puan hendaklah melaksanakan Program Mencegah Kebakaran Tanah Gambut Untuk Mengatasi Jerebu di peringkat negeri masing-masing berkuatkuasa dengan serta merta. Langkah-langkah berikut perlu diambil:
  - i. Melaksanakan pemeriksaan harian di semua kawasan tanah gambut yang mudah terbakar di seluruh negeri untuk menentupasti paras air di saluran;
  - ii. Mengeluarkan notis kepada Jabatan Perhutanan / Pihak Berkuasa Tempatan untuk memantau pembakaran terbuka melalui menara tinjau setiap hari;
